

KATA NAMA

Golongan kata nama dikelompokkan kepada tiga kumpulan.

- i) Kata Nama Am
- ii) Kata Nama Khas
- iii) Kata Ganti Nama

Kata Nama Am:

Kata Nama Am ialah perkataan yang merujuk kepada benda-benda atau perkara-perkara yang umum sifatnya. Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu, kata nama am dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu kata nama am abstrak dan kata nama am konkret.

Contohnya:

Kata Nama Am Abstrak: -- kedamaian, kemerdekaan.

Kata Nama Am Konkrit: -- tangan, sungai, lantai.

Kata Nama Khas:

Kata Nama Khas merujuk kepada nama ruang, binatang, tempat dan benda secara khusus. Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu, kata nama khas ialah kata nama yang merujuk nama sesuatu benda yang khusus dan ejaannya berpangkalkan huruf besar. Kata nama khas terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu nama khas hidup dan kata nama khas tak hidup. Kata nama khas hidup pula terbahagi kepada dua lagi, iaitu kata nama khas hidup manusia dan kata nama khas hidup bukan manusia.


	Manusia	Binatang	Tempat
Kata Nama Am	murid	burung	pasar
	pekebun	kucing	padang
	Kata nama khas hidup manusia	Kata nama khas hidup bukan manusia	Kata nama khas tak hidup
Kata Nama Khas	Ahmad	Lassie	Pahang
	Edelina	Si Belang	Pulau Pinang
	Chandran	Sang Kancil	Gunung Tahan

Kata Ganti Nama:

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu, Kata ganti nama dibahagikan kepada dua sub-golongan kecil, iaitu kata ganti nama tunjuk dan kata ganti nama diri.

- i) Kata ganti nama tunjuk
- ii) Kata ganti nama diri

Ganti nama diri pula dibahagikan kepada ganti nama diri orang dan ganti nama diri tanya. Ganti nama diri orang terdiri daripada ganti nama diri orang pertama, ganti nama diri orang kedua dan ganti nama diri orang ketiga.

***Kata Ganti Nama Tunjuk:***

Kata ganti nama tunjuk ialah perkataan yang menjadi pengganti pada kata nama dan mendukung maksud menunjukkan benda atau perkara yang dirujukan itu. Ada dua kata ganti nama tunjuk iaitu *ini* untuk menunjukkan pada yang dekat dan *itu* untuk menunjukkan ada yang jauh.

Kata Ganti Nama:

Kata ganti nama diri dibahagikan kepada kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua dan kata ganti nama diri ketiga.

BAHASA MELAYU

KATA NAMA

NOTA CIKGU HASNI

Kata Ganti Nama Diri Pertama	Penggunaan	Contoh Ayat
Aku	Merujuk kepada diri sendiri	<u>Aku</u> hendak pergi ke perpustakaan
Beta	Digunakan oleh kerabat diraja	<u>Beta</u> berharap negara bertambah maju dan makmur.
Hamba	Merujuk kepada diri sendiri	" <u>Hamba</u> mohon ampun daripada baginda," kata Hang Tuah
Kita	Merujuk diri sendiri dan diri orang kedua	" <u>Kita</u> akan berkelah di Port Dickson," kata Ahmad kepada Azri.
Kami	Merujuk diri dan rakannya apabila bercakap dengan orang kedua	" <u>Kami</u> diminta membersihkan bilik darjah," kata Amin dan Ali kepada Zulkifli.
Saya	Merujuk diri sendiri	<u>Saya</u> dilantik menjadi ketua darjah dalam kelas 2 Arif.

Kata Ganti Nama Diri Kedua	Penggunaan	Contoh Ayat
Anda	Merujuk diri orang kedua	<u>Anda</u> dikehendaki beratur ketika menaiki LRT.
Awak	Merujuk diri orang kedua	<u>Awak</u> disuruh membersihkan bilik darjah.
Engkau	Merujuk diri orang kedua	<u>Engkau</u> hendak pergi ke kedai buku?
Kamu	Merujuk diri orang kedua	<u>Kamu</u> mesti belajar dengan lebih tekun.

BAHASA MELAYU

KATA NAMA

NOTA CIKGU HASNI

Kata Ganti Nama Diri Ketiga	Penggunaan	Contoh Ayat
Beliau	Digunakan untuk merujuk orang yang dihormati	<u>Beliau</u> dilantik menjadi pegawai penerangan.
Baginda	Digunaan untuk kerabat diraja	<u>Baginda</u> telah berangkat ke luar negeri.
Dia	Digunakan untuk diri orang ketiga	<u>Dia</u> datang awal ke pejabat sekolah
Mereka	Bilangan orang lebih daripada seorang	Pentas dihiasi oleh <u>mereka</u> dengan cantik.